

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTW 107 – Mikroekonomi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan.

Alat mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan.

Anda boleh menggunakan mana-mana ruang yang terdapat pada kertas soalan ini menjalankan penghitungan anda.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)

1. (a) Apakah perbezaan di antara barangan awam dan barangan persendirian?
(2 markah)

(b) Berikan perbezaan di antara pesaingan tulen dan persaingan sempurna?
(2 markah)

(c) Senaraikan 4 ciri-ciri persaingan tulen?
(4 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 3 -

(d) Apakah yang anda faham tentang perkara-perkara berikut:

(i) barang penganap (2 markah)

(ii) barang pengganti (2 markah)

(e) Apakah hubungan yang ditunjukkan oleh keluk permintaan dan lakarkan gambarajah yang bersesuaian? (4 markah)

...4/-

2. Dalam satu pasaran komoditi terdapat 10,000 orang pelanggan dan 1,000 orang penjual. Setiap orang pelanggan mempunyai fungsi permintaan yang sama dan fungsi permintaan tersebut ialah $Q^d = 12 - 2P$. Begitu juga dengan penjual dimana setiap orang penjual mempunyai fungsi penawaran yang sama dan fungsi penawaran tersebut ialah $Q^s = 20P$. Berdasarkan maklumat di atas, anda diminta untuk menjawab beberapa persoalan yang telah ditimbulkan di bawah ini.

(a) Berikan persamaan fungsi permintaan pasaran.

(2 markah)

(b) Berikan persamaan fungsi penawaran pasaran.

(2 markah)

(c) Tuliskan persamaan matematik bagi keseimbangan pasaran ini.

(2 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 5 -

(d) Dapatkan kuantiti keseimbangan pasaran ini.

(2 markah)

(e) Dapatkan harga keseimbangan pasaran ini.

(2 markah)

...6/-

- (f) Situasi di atas adalah merupakan pasaran domestik. Katakan harga pasaran dunia ialah RM2.50/unit. Berapa banyakkah kuantiti barangan tersebut akan diimport dan dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.
(4 markah)

- (g) Lakarkan situasi yang di (f) dalam gambarajah yang bersesuaian.
(2 markah)

3. Katakan fungsi permintaan untuk sushi bolehlah ditulis sebagai $Q^d = 180 - 3P$, dimana P adalah harga sushi dan persamaan penawaran sushi pula adalah $Q^s = 30 + 4P$.

(a) Lakarkan gambarajah keluk permintaan dan penawaran sushi pada harga dimana $P = 10, 15, 20$ dan 25 .

(4 markah)

(b) Katakan terdapatnya pertambahan dalam pembekal sushi telah menyebabkan keluk penawaran sushi mejadi $Q_s = 180 + 5P$. Lakarkan keluk permintaan dan penawaran yang baru dalam rajah yang telah dilukis sebelum ini.

(2 markah)

- (c) Jika harga sushi berubah dari 15 ke 20, kirakan keanjalan lengkung permintaan sushi.

(2 markah)

- (d) Pada harga sushi bersama dengan 30, kirakan keanjalan titik permintaan sushi.

(2 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 9 -

(e) Jelaskan apakah yang dikatakan keanjalan silang.

(2 markah)

(f) Senaraikan 3 faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan.

(3 markah)

...10/-

4. Dalam jadual di bawah menunjukkan jumlah utiliti bagi pengambilan kandi dan burger dalam sehari.

Bil kandi dalam sehari	Jumlah Utiliti	Utiliti Sut	Bil burger dalam sehari	Jumlah Utiliti	Utiliti Sut
1	40		1	30	
2	75		2	54	
3	100		3	72	
4	115		4	84	
5		5	5		6

- (a) Sila isikan ruangan yang terdapat dalam jadual di atas.

(5 markah)

- (b) Jika harga kandi ialah RM1.00 dan burger pula ialah RM2.00 dan anda mempunyai sebanyak RM5.00 untuk dibelanjakan. Berapakah bilangan kandi dan burger yang akan beli bagi memaksimumkan utiliti anda.

(2 markah)

- (c) Andaikan anda menggunakan dua jenis barangan iaitu X dan Y. Fungsi jumlah utiliti anda diberi seperti berikut;

$$U(x,y) = 34x + 40y - 4x^2 - y^2$$

Jika harga x, $P_x = \text{RM}6$ dan harga y, $P_y = \text{RM}8$ manakala jumlah pendapatan anda, $M = \text{RM}44$.

- (i) Berapakah bilangan x dan y yang akan dibeli bagi memaksimumkan utiliti anda.

(5 markah)

- (ii) Lakarkan garis belanjawan berdasarkan kepada maklumat yang diberi dalam bahagian c.

(2 markah)

- (d) Salah satu ciri keluk puasama ialah keluk puasama cembung ke asalan dari kiri ke kanan. Berikan penjelasan mengapa keadaan begitu terjadi.
(2 markah)

5. Cahaya Baru Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan alat mainan kanak-kanak. Syarikat ini ingin memasarkan alat mainan yang baru diciptanya. Kos sut setiap unit alat mainan tersebut ialah RM40.00 dan kos tetap ialah RM400,000.00. Keluk permintaan bagi mainan ini boleh ditunjukkan oleh persamaan ini; $P = 170 - 5Q_d$

- (a) Dapatkan kuantiti apabila harga adalah sifar.

(2 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 14 -

(b) Dapatkan fungsi hasil sut.

(2 markah)

(c) Andaikan syarikat ini menetapkan satu harga sahaja untuk mendapatkan untung maksimum. Tentukan harga yang memberi keuntungan maksimum.

(5 markah)

...15/-

- (d) Kirakan jumlah kos pada keluaran yang memberi untung maksimum.
(2 markah)
- (e) Kirakan untung ekonomi yang diperolehi oleh syarikat ini.
(2 markah)
- (f) Lukiskan satu gambarajah yang menunjukkan hasil sut dan kelok hasil sut.
(2 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]


- 16 -

(g) Hitungkan jumlah lebih pengguna.

(2 markah)

...17/-

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)



6. (a) Berdasarkan kepada rajah di atas, anda perlu menjawab soalan-soalan berikut;

(i) Kesan penggantian

(2 markah)

(ii) Kesan pendapatan

(2 markah)

- (b) Dengan menggunakan rajah yang tertentu dalam pasaran persaingan sempurna, lakarkan rajah yang menunjukkan keluk penawaran jangka pendek dalam pasaran tersebut. Berikan penerangan ringkas mengenai rajah tersebut.

(6 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 19 -

7. Dalam teori pengeluaran telah dibincangkan mengenai pulangan mengikut skel. Bincangkannya dengan menggunakan rajah yang bersesuaian dengan melabelkan laluan pengembangan.

(10 markah)

8. (a) Mengapakah dalam pasaran persaingan sempurna firma adalah merupakan penerima harga.

(5 markah)

- (b) Dengan menggunakan rajah yang bersesuaian, tunjukkan titik henti pengeluaran firma monopoli dan berikan penjelasan yang ringkas.

(5 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 107]

- 21 -

9. Bincangkan 5 faktor yang menyebabkan wujudnya monopoli.

(10 markah)

- 0000000 -